

Mahathir  
dimasukkan  
ke hospital  
selepas

19 JAN 1989  
mengadu  
sakit

dada

**KUALA LUMPUR 18 Jan. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dimasukkan ke hospital besar di sini pada kira-kira pukul 1.00 pagi ini selepas mengadu sakit dada.**

Pengarah hospital, Datuk Dr. C. Fonseka berkata, beliau sedang dirawat oleh pakar kardiologi kanan hospital, Datuk Dr. Robaayah Zambahari.

Datuk Dr. Fonseka memberitahu Bernama, keadaan **Perdana Menteri stabil** dan memuaskan.

Berikutan dengan itu, **Timbalan Perdana Menteri**, Encik Ghafar Baba akan **melancarkan Majlis Perundingan**, Ekonomi Negara (**MPEN**) di sini esok **bagi** menggantikan **Perdana Menteri** yang tidak dapat hadir.

## Stabil

Datuk **Sri Dr. Mahathir** sebelumnya **dijadualkan** melancarkan **majlis tersebut** di **Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)** pada pukul 9 pagi esok.

"**Perdana Menteri** tidak dapat hadir kerana **uzur** dan sedang dirawat di hospital," kata Encik **Ghafar** kepada para wartawan selepas **mengumumkan** senarai penuh **ahli MPEN** di **Jabatan Perdana Menteri (JPM)** di sini hari ini.

Katanya, Datuk Sri Dr. **Mahathir** telah **dinasihatkan** oleh doktor **supaya berehat**.

Menurutnya, **walaupun Perdana Menteri** **dirawat** di hospital tetapi keadaannya **stabil**.

Ketika ditanya apakah penyakit yang dihadapi oleh **Perdana Menteri**, beliau berkata, pihak hospital akan **mengeluarkan** kenyataan **mengenainya**.

Sehingga tengah hari **ini** beberapa orang **menteri kabinet** telah **mewawat** Datuk Sri Dr. **Mahathir** di hospital.